



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**PANDANGAN AWAM DALAM SESI *NATIONAL TOWNHALL* RUU
KEBEBASAN MAKLUMAT 2026 AKAN DIBAWA KE PROSES
PENELITIAN PARLIMEN**

KUALA LUMPUR, 28 SEPTEMBER 2026 – Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan pandangan, cadangan serta kritikan konstruktif dalam Sesi Pendengaran Awam (*National Townhall*) mengenai Rang Undang-Undang (RUU) Kebebasan Maklumat 2026 pada hari ini. Semua pandangan telah didengar dan akan digabungkan untuk penelitian, pertimbangan dan perbincangan lanjut oleh Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Parlimen sebelum sebarang pendirian dimuktamadkan.

Semua pandangan yang dikemukakan telah didengar dan diambil maklum oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Parlimen. Pandangan-pandangan ini akan dibawa ke peringkat JKPK untuk penelitian, pertimbangan dan perbincangan lanjut sebelum sebarang pendirian muktamad dibuat.

Antara perkara utama yang akan diberikan perhatian ialah **hak kepada maklumat sebagai komponen penting dalam kebebasan bersuara dan berekspresi**. JKPK mengambil maklum pandangan bahawa prinsip asas ini perlu dicerminkan dengan jelas dalam RUU Kebebasan Maklumat. Perkara ini akan diberikan penelitian lanjut bersama Jabatan Peguam Negara (AGC), khususnya dari sudut perlembagaan dan perundangan. Oleh itu, ruang yang sewajarnya perlu diberikan untuk perkara ini diteliti secara menyeluruh sebelum sebarang kesimpulan dibuat berhubung keperluan pindaan kepada Perlembagaan.

JKPK turut mengambil maklum keperluan untuk memastikan rakyat mempunyai **akses yang luas dan bermakna** kepada maklumat yang

dipegang oleh pihak berkuasa awam, selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti. Dalam memastikan akses tersebut dapat dilaksanakan secara berkesan di samping memelihara kepentingan seperti keselamatan negara dan ketenteraman awam, sebarang penolakan terhadap pendedahan maklumat perlu berasaskan alasan yang jelas dan boleh dipertanggungjawabkan, termasuk melalui pemakaian *harm test* dan *public interest test* yang jelas.

Pada masa yang sama, JKPK akan meneliti **mekanisme semakan yang bersesuaian** apabila sesuatu permohonan maklumat ditolak, termasuk sama ada fungsi tersebut wajar dilaksanakan melalui mekanisme rayuan dalaman atau diletakkan di bawah Ombudsman Malaysia yang dicadangkan. Ini penting bagi memastikan akses kepada maklumat yang diperuntukkan di bawah undang-undang turut disokong oleh mekanisme semakan dan remedi yang berkesan.

Semua perkara teknikal, struktur dan penggubalan yang telah dibangkitkan pada hari ini juga akan diteliti dan diperhalusi oleh JKPK sebelum sebarang pendirian muktamad dibuat. Kerajaan MADANI kekal komited untuk memastikan reformasi ini dibangunkan melalui proses yang inklusif, teliti dan bertanggungjawab bagi menghasilkan kerangka kebebasan maklumat yang kukuh, seimbang dan berkesan, sekali gus memperkukuh keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran negara.

National Townhall pada hari ini **bukanlah titik penamat, tetapi merupakan sebahagian daripada proses penelitian Parlimen**. Kita tidak mahu menggubal undang-undang semata-mata untuk mengatakan bahawa Malaysia mempunyai undang-undang kebebasan maklumat. Sebaliknya, kita mahu memastikan undang-undang yang dibentuk jelas dari segi hak, pengecualian, tanggungjawab pihak berkuasa serta mekanisme semakan dan remedi yang tersedia kepada rakyat.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
28 SEPTEMBER 2026

